A close-up portrait of Ungku Aziz, an elderly man with a grey beard and mustache, looking slightly to the right. The background is a warm, textured brown.

Riwayat
UNGKU AZIZ

Asmah Haji Omar



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Riwayat
UNGKU AZIZ



Riwayat
UNGKU AZIZ

Asmah Haji Omar

PUSTAKA PERDANA



1010855

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2015



KK 923-5217-1444-4101

Cetakan Pertama 2015
© Asmah Haji Omar 2015

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-
Penerbitan

Asmah Haji Omar, Dato', 1940-

Riwayat Ungku Aziz / Asmah Haji Omar.

Mengandungi indek

Bibliografi: ms. 251

ISBN 978-983-46-1444-7

1. Ungku A. Aziz (Ungku Abdul Aziz), 1922-.
2. Economists--Malaysia--Biography. 3. Government economists.
4. Malaysia--Biography. I. Judul.
923.3595

Dicetak oleh

YBA Print Sdn. Bhd.

No. 28, Jalan 12/152,

Taman Perindustrian OUG,

Batu 6 1/2, Jalan Puchong,

58200 Kuala Lumpur

923.3595

ASM



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	xi
Prolog : Tiga Paksi Perpaduan Negara oleh Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz	1
Bab 1 : Tokoh dan Kebertokohan	24
Pengantar	24
Kebertokohan Ungku Aziz	26
Ikon Akademik dan Ekonomi Malaysia	29
Tradisi Khas Universiti Malaya	33
Penampilan dalam Berpakaian	41
Kefasihan dalam Berkomunikasi	45
Tumpuan kepada yang Kurang Bernasib Baik	49

Kandungan

Tidak Suka Bermegah-megah	51
Turun Padang	55
Penutup	58
Bab 2 : Keturunan dan Keluarga	60
Pengantar	60
Titisan Raja	63
Kacukan Melayu dan Bugis: Engku, Ungku	67
Ungku Abdul Majid: Nenenda Ungku Aziz	72
Ruqaiyah Hanim: Seorang Matriark	77
London: Tanah Tumpah Darah	80
Belayar Menuju Johor	86
Menghayati Suasana Hidup Orang Melayu	87
Yatim Piatu	90
Penutup	91
Salasilah Ungku Aziz bin Ungku Abdul Hamid	96
Bab 3 : Laluan Hidup	97
Pengantar	97
Pendidikan Awal	98
Zaman Jepun: Bekerja Sebagai Buruh Sebagai Pelajar di Waseda:	104
1943–1945	106
Sebelum Perang Berakhir: Peristiwa Parit Raja	110
Sebagai Pelajar di Universiti Malaya Singapura	113
Sebagai Pensyarah di Universiti Malaya Singapura	114
Penutup	118
Bab 4 : Sumbangan dan Legasi	119
Pengantar	119
Sumbangan Luar Alam Akademik	12

Kandungan

RIDA	120
Badan Koperatif dan ANGKASA	121
Lembaga Urusan Tabung Haji	121
Dewan Bahasa dan Pustaka	124
Penggubalan Dasar-Dasar Negara	125
Sumbangan Akademik:	
Sebagai Pembangun Universiti Malaya	125
Perkembangan Akademik	126
Pembangunan dan Peningkatan Fakulti	126
Pembangunan Fakulti	128
Akademi Pengajian Islam	131
Institut Pengajian Tinggi (IPT)	132
Pusat, Jabatan Perkhidmatan	133
<i>Pusat Komputer</i>	133
<i>Pusat Bahasa</i>	133
<i>Pusat Kebudayaan</i>	138
<i>Pusat Sukan</i>	138
<i>Pusat Asasi Sains</i>	139
<i>Ambang Asuhan Jepun</i>	143
<i>Perpustakaan Universiti Malaya</i>	146
<i>Muzium Seni Asia</i>	147
<i>Penerbit Universiti Malaya</i>	148
<i>Koperasi Kedai Buku Universiti</i>	
<i>Malaya</i>	149
<i>Rimba Ilmu</i>	149
<i>Ladang Universiti</i>	151
Legasi Ungku Aziz	152
Penutup	154
Bab 5: Penggerak Dasar Bahasa	155
Pengantar	155
Individu dan Bahasa	156
Pengajaran Bahasa Melayu di Universiti	
Malaya	158

Kandungan

Dasar Bahasa Kebangsaan di Universiti Malaya	159
Ketegasan dalam Dasar Bahasa Kebangsaan	168
Dasar Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua	172
Bahasa dan Globalisasi	180
Penutup	181
Bab 6 : Cara dan Gaya Memimpin	183
Pengantar	183
Keaslian dan Daya Pemikiran	184
Ketegasan	185
Kesegeraan	188
Menjaga Ketertiban Universiti	189
Menyenaraikan Keutamaan	193
<i>Mutu Akademik</i>	193
<i>Kesejahteraan dan Keselesaan</i>	
<i>Penuntut</i>	197
Menghadapi Konflik	199
Bersikap Telus	199
<i>Berbincang</i>	201
<i>Menjaga Air Muka</i>	203
<i>Mengadakan Mesyuarat Konsultatif</i>	
Sebagai Persediaan	207
Pengurusan Secara Berlegar-legar: <i>Management by Walking About</i>	209
Turun Padang dan Turun Tangan	212
Berhemat dan Sederhana	214
Penutup	216
Bab 7 : Selepas Bersara	217
Pengantar	217
Cosmopoint dan Kuala Lumpur Metropolitan University College	21

Kandungan

Industri Air Minum – AZAIR	222
Mengumpul dan Mengkaji Pantun	223
Meminati Seni Lukis: Picasso	225
Sentiasa Mempertingkatkan Ilmu di Dada	227
Idea Sebagai Legasi	227
Penutup	233
Bab 8 : Akhirul Kalam	235
<i>Lampiran 1</i> Ijazah dan Anugerah	243
<i>Lampiran 2</i> Perkhidmatan dalam Institusi Kebangsaan dan Antarabangsa	246
<i>Bibliografi</i>	251
<i>Indeks</i>	255

PRAKATA

Profesor Diraja Ungku Aziz (selepas ini disebut Ungku Aziz) merupakan seorang tokoh akademik yang ternama yang banyak menyumbang kepada pembangunan negara. Sudah ada beberapa karya yang menceritakan riwayat hidupnya. Dengan itu, buku *Riwayat Ungku Aziz* ini hendaklah dilihat sebagai tambahan kepada penulisan tentang Ungku Aziz yang sedia ada, dan bukan sebagai saingan.

Sesuatu hasil penulisan seperti ini tidak dapat menceritakan keseluruhan hidup seseorang tokoh, kerana hasil karya berkenaan sekadar dipengaruhi oleh kemampuan penulisnya. Lagi pula, apabila seseorang pengarang menulis riwayat seperti ini, dia meliha

tokoh yang menjadi tajuk penulisannya itu dari sudut pandangannya sendiri yang berbeza daripada sudut pandangan orang lain.

Bahan yang menjadi kandungan buku ini sebahagiannya diambil daripada khazanah ingatan saya sendiri dengan pengalaman begitu lama bekerja di Universiti Malaya, dan khususnya di bawah pentadbiran Ungku Aziz sebagai Naib Canselor. Khazanah ingatan ini disokong oleh buku-buku catatan harian ketika saya menjadi Pengarah Pusat Bahasa dan Timbalan Naib Canselor (Perjawatan), Universiti Malaya. Temu duga dengan Ungku Aziz yang secara keseluruhannya mengambil masa kira-kira 12 jam dalam julat masa enam minggu adalah untuk mengesahkan butir-butir khusus, terutama sekali yang telah ditulis tentangnya. Juga dalam temu duga itu, saya memperoleh gambaran yang jelas tentang salasilahnya. Oleh sebab Ungku Aziz adalah keturunan keluarga diraja yang memerintah Johor yang dapat disusurgalurkan ke abad ke-17, maka rujukan dibuat kepada buku-buku sejarah dan hikayat serta syair yang menceritakan proses sejarah yang berlaku di Alam Melayu, terutama sekali di kawasan yang diperintah oleh kerajaan Johor Riau-Lingga-Pahang.

Riwayat ini adalah riwayat Profesor Diraja Ungku Aziz. Oleh kerana nama Ungku Aziz sebatikan dengan Universiti Malaya, maka tidak dapat tidak, cerita berkenaan dengan beliau dalam buku ini sebahagian besar tertumpu pada khidmat yang diberinya dalam membina dan membangunkan universiti berkenaan. Oleh sebab itu, tidak ada tokoh lain yang dibincangkan secara khusus dalam buku ini kecuali jika mereka mempunyai peranan tertentu yang dapat menyerlahkan lagi program-program yang diusahakan oleh Profesor Ungku Aziz.

Satu lagi pembatasan yang ingin saya nyatakan di sini ialah kandungan buku ini yang berkaitan dengan Universiti Malaya hanya meliputi hal-hal akademik serta pengurusan pada amnya. Kehidupan mahasiswa dan kegiatan mereka digambarkan hanya dalam konteks perbincangan tentang cara Ungku Aziz menyelesaikan isu dan masalah yang dibawa oleh mereka. Hal ehwal penuntut merupakan bidang yang memerlukan perbincangan yang tersendiri yang hanya boleh diberi oleh pegawai-pegawai universiti yang lebih banyak berurusan dalam bidang ini.

Profesor Ungku Aziz seorang tokoh ekonomi yang terkenal, sedangkan bidang saya ialah bahasa, tegasnya linguistik. Oleh kerana itu, saya tidak berkemampuan memberi huraian tentang idea dan karya-karya beliau yang sudah menjadi rujukan asas dalam memahami kemiskinan bandar dan luar bandar, bahkan yang sudah mempengaruhi dasar-dasar negara dalam mempertingkatkan taraf hidup rakyat. Diharap Ungku Aziz dan pembaca dapat memaafkan saya jika saya memberi huraian yang panjang lebar tentang hal-hal yang berkenaan dengan bahasa, kerana itu sahalalah yang termampu oleh saya.

Saya sungguh berterima kasih kepada Profesor Diraja Ungku Aziz yang telah mengizinkan saya menulis riwayatnya dan juga meluangkan masanya untuk ditemu duga. Bagi saya, menulis buku ini juga adalah cara mengucapkan terima kasih saya yang tidak terhingga kepada Ungku Aziz yang telah memberi banyak peluang kepada saya mempertingkatkan pengetahuan dan kecekapan saya dalam bidang pengurusan dan pentadbiran akademik. Sepanjang masa bekerja dengan beliau sebagai Pengarah Pusat Bahasa dan Timbalan Naib Canselor (Perjawatar

ibarat diisi dengan jadual latihan amali dalam bidang berkenaan.

Dalam menulis buku ini saya telah dibantu oleh Puan Kamsiah Mohmad, Pegawai Perancang Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka yang banyak menolong saya mendapatkan bahan-bahan rujukan dari Pusat Dokumentari Dewan Bahasa dan Pustaka dan juga dari luar. Dengan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya kepada beliau.

Saya juga berterima kasih kepada rakan-rakan yang sezaman dengan saya berkhidmat di Universiti Malaya ketika Profesor Ungku Aziz menjadi Naib Canselor, yang masih dapat mengingat kembali cebisan-cebisan peristiwa yang berlaku pada zaman itu, dan menceritakan semula kepada saya, sama ada secara bersemuka atau melalui perbualan telefon. Daya ingatan mereka sangat baik, tetapi sayang sekali saya tidak dapat memasukkan semua maklumat itu dalam buku ini.

Saya pasti ada beberapa kekurangan pada buku ini dari segi maklumat mengenai kehidupan Profesor Ungku Aziz dan pencapaiannya, sungguhpun saya telah berusaha sedaya upaya bagi memperoleh data yang lengkap. Atas kekurangan ini saya mohon maaf kepada Profesor Diraja.

Wassalam.

Asmah Haji Omar

PROLOG

TIGA PAKSI PERPADUAN NASIONAL*

oleh
Profesor Diraju Ungku A. Aziz

RISALAH ini menekankan betapa pentingnya Perpaduan Nasional diperkenalkan kepada semua rakyat Malaysia. Memang ada banyak jalan menuju ke arah perpaduan, tetapi yang paling ulung ialah kebolehan berkomunikasi dan bergaul dengan menggunakan satu bahasa bersama. Inilah sebabnya Perpaduan Nasional didahulukan sebagai paksi pertama dalam risalah ini.

Paksi kedua ialah keperluan mempunyai satu bahasa yang boleh digunakan sebagai alat komunikasi antara semua rakyat Malaysia apabila mereka bercakap dan menulis dalam menjalin hubungan antara satu dengan lain. Penggubalan dan pelaksanaan dasar pendidikan yang sesuai mungkin memerlukan jangka masa satu

atau dua generasi. Walau bagaimanapun, seperti kata pepatah, perjalanan yang panjang bermula dengan hanya satu langkah sahaja.

Paksi ketiga terletak pada perlunya mengurangkan kemiskinan tegar. Ciri-ciri utama dalam kaedah memupuk Perpaduan Nasional, iaitu bagaimana isu bahasa boleh diselesaikan dan bagaimana kemiskinan tegar boleh dihapuskan, dibincangkan dalam bahagian-bahagian berikut.

Dalam Perlembagaan Malaysia, sudah diputuskan bahawa bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan. Sedikit kelonggaran boleh diberi dalam menggunakan istilah “bahasa Malaysia”.

Atas sebab-sebab pragmatik Malaysia perlu mempunyai satu bahasa yang boleh menghubungkannya dengan komuniti antarabangsa yang menggunakan bahasa Inggeris.

Sepuluh tahun selepas merdeka, kita menjadi begitu taasub dengan pembangunan ekonomi dan sosial sehingga perkara yang memerlukan perhatian diabaikan. Sungguhpun keghairahan mengumpul kekayaan yang sah dalam sistem perusahaan bebas mungkin tidak ada batasnya, tetapi demi keterusan hidup bangsa ada dua perkara yang mengajak kita berhenti sejenak.

Norma-norma etika dan akhlak sepatutnya mengajar kita mengelakkan semua bentuk penipuan, rasuah, pemalsuan dan cara-cara yang tidak adil dalam membolot kekayaan, terutama sekali jika dilakukan secara berleluasa. Oleh itu, mengurangkan kadar berlakunya pengagihan perolehan dan kekayaan yang tidak sama rata adalah mustahak.

Istilah “Kemiskinan Tegar” sudah pun digunakan sebagai ganti ungkapan-ungkapan yang menghi

seperti “kurang bernasib baik” atau “kemiskinan teras”, seolah-olah mereka yang miskin itu menjadi miskin disebabkan kesalahan mereka sendiri.

Perpaduan Nasional

Perpaduan Nasional boleh menjadi kenyataan jika cita-cita murni dalam bentuk matlamat bersama boleh diterima sepenuhnya. Jika tidak, Malaysia akan terumbang-ambing daripada satu krisis kepada satu krisis yang menimbulkan polarisasi kaum, dan pada masa yang sama muncul dengan maraknya kecenderungan yang bersifat perkauman. Masalah ekonomi atau sosial bakal mengancam masa hadapan bersama, jika sebahagian besar daripada cabaran-cabaran yang tidak diingini itu tidak dapat dihapuskan.

Bahagian ini memberi tumpuan kepada keterusan hidup Malaysia yang berpanjangan. Sama ada keterusan hidup ini dapat dipertahankan atau tidak bergantung pada kesediaan rakyat Malaysia menggerakkan tiga paksi yang berkitar di keliling nasib negara yang agak rapuh ini.

- Tumbuhnya perpaduan nasional dalam kalangan semua rakyat.
- Pemilihan dua bahasa, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, boleh dilakarkan bagi dasar pengajaran dan pembelajarannya. Para penentu dasar, pentadbir pendidikan dan pakar dalam bidang pengajaran serta juga ibu bapa hendaklah sedar bahawa kedua-dua bahasa ini patut diterima dengan baik untuk tujuan yang seimbang tetapi berlainan: bahasa Melayu untuk tujuan perpaduan nasional manakala bahasa Inggeris untuk membolehkan komunika:

dengan bahagian-bahagian dunia yang sudah maju. Pada masa yang sama, kedua-dua bahasa itu akan membawa banyak manfaat dalam perkembangan ilmu pengetahuan, budaya dan kemahiran berkomunikasi bagi rakyat masa kini dan generasi akan datang.

- Pengurangan Kemiskinan Tegar sangatlah mustahak kerana dengan cara ini bukan sahaja kelompok-kelompok rakyat miskin yang terpinggir itu dapat diuruskan dengan lebih adil, bahkan dapat dikurangkan jurang perbezaan ekonomi yang semakin meluas.

Pendek kata, pengurusan yang berjaya bagi isu-isu dalam ketiga-tiga paksi ini dapat memastikan keterusan hidup yang bertenaga bagi Malaysia sebagai negara yang berdiri teguh. Masalah Perpaduan Nasional yang utama ialah konsepnya yang abstrak dan dapat dihuraikan dengan kata yang berjela-jela tetapi sukar diterjemahkan menjadi kenyataan.

Dorongan mencapai perpaduan sering kali diberi keutamaan yang rendah dalam skala peranan atau tindakan yang diinginkan. Rakyat mudah terdorong ke arah penimbunan harta, perolehan atau aset yang lebih baik, atau kejayaan bagi pendidikan anak-anak mereka. Akhirnya negara terpaksa mewujudkan cita-cita atau nilai-nilai murni yang dapat dicapai melalui pujukan. Ini merupakan isu yang rumit. Sekurang-kurangnya ada dua aspek dalam penerimaan perpaduan dalam konteks Malaysia, iaitu:

- Persepsi individu mengenai kewajipan dan kesetiaan.
- Persepsi kumpulan mengenai untung rugi atau daya penarik atau juga penolakan perpaduan

Kesediaan menyokong idea Perpaduan Nasional bukan hanya bergantung pada saiz dan komposisi kumpulan-kumpulan yang menyokong atau menolak cita-cita perpaduan, tetapi juga pada kewujudan cita-cita murni yang lain dalam kalangan rakyat Malaysia.

Dari sudut pandangan positif, lebih ramai orang akan cenderung menyokong nilai-nilai murni dalam Perpaduan Nasional jika mereka melihat adanya manfaat dari kempen-kempen Perpaduan Nasional. Sebaliknya, jika sebahagian besar daripada mereka berasa bahawa ini semua merupakan janji-janji sahaja, maka cita-cita itu tidak akan tercapai.

Perpaduan Nasional tidak akan berjaya jika lambang-lambangnyanya, nyanyian dan cogan kata gagal menanam hasrat yang kuat yang dapat mengatasi pengaruh-pengaruh yang tidak stabil terhadap negara yang agak rapuh. Ketiga-tiga unsur Perpaduan Nasional itu saling berinteraksi dan bersifat kumulatif.

Perpaduan mewakili kekuatan hasrat untuk bersama dalam minda dan rasa. Perpaduan merupakan teras yang dikelilingi oleh kitaran idea dan lakuan penyelesaian yang sebenarnya. Maknanya perpaduan bukanlah sekadar melepaskan batuk di tangga.

Amalan dalam pengagihan kekayaan boleh mempengaruhi perpaduan dalam jangka masa yang panjang atau yang sederhana panjang. Yang penting bukan hanya imej-imej *Lorenzo Curve* atau koefisien Gini, tetapi juga amalan-amalan yang dilihat semakin membawa perbezaan yang meruncing.

Bahasa dan Perpaduan

Usaha memperteguh perpaduan bukanlah satu-satunya keperluan dalam mencapai dasar pendidikan yan-

berkesan. Antaranya termasuklah usaha memperluas dan mendalami ilmu pengetahuan serta memperkuat daya ingatan bagi mereka yang berusia antara 13 dengan 17 tahun, terutama sekali dalam bidang bahasa, termasuk nahu. Dorongan individu memahami dan menghayati konsep Perpaduan Nasional adalah satu hal, tetapi ada juga perkara lain, iaitu dorongan kelompok dengan interaksi sosial yang tidak dikuasai oleh pemikiran kelompok yang sempit (*herd mentality*).

Unsur penting dalam Perpaduan Nasional ialah toleransi yang berasaskan kefahaman dan penerimaan semua kepercayaan keagamaan dan juga kesediaan berbincang dengan lapang dada mengenai perbezaan-perbezaan utama yang ada.

Kesetiaan serta nilai-nilai murni bersama adalah penting dalam memahami makna Perpaduan Nasional. Akhlak, etika dan estetika mungkin membawa makna yang berbeza-beza dalam negara yang mempunyai pelbagai sistem kepercayaan. Barangkali sukar juga mentakrifkan nilai-nilai bersama tanpa menimbulkan ketaksaan. Pendekatan yang paling baik untuk sementara waktu adalah dengan menerima wujudnya kepelbagaian dengan semangat toleransi. Walau bagaimanapun, ada kecenderungan-kecenderungan yang berlawanan yang boleh bersifat sentrifugal atau juga sentripetal.

Menggubal Dasar Bahasa

Kekuatan chauvinisme politik dan sikap yang semata-mata bertujuan untuk berbeza boleh menggugat pembentukan Perpaduan Nasional. Untuk tujuan

kestabilan yang berterusan Malaysia mesti mengambil pendirian tegas, bahawa sikap tolak ansur jangka pendek yang sentiasa berubah-ubah serta cadangan-cadangan yang tidak rasional yang dibuat dengan sewenang-wenangnya itu tidak ada tempatnya dalam penggubalan dasar bahasa yang muktamad.

Ringkasnya, keperluan mengajar dan belajar dalam dua bahasa ditentukan atas sebab-sebab yang berbeza, namun dari segi peri pentingnya bahasa-bahasa itu atas sebab yang sama. Bahasa Melayu diperlukan untuk mewujudkan Perpaduan Nasional melalui satu bahasa yang boleh digunakan dengan selesa oleh semua rakyat Malaysia, manakala bahasa Inggeris diperlukan untuk membolehkan rakyat Malaysia berhubung dengan dunia antarabangsa, yang pada amnya menggunakan bahasa Inggeris. Oleh itu, dasar pendidikan hendaklah menerima kedua-dua bahasa itu sepenuhnya. Kedua-duanya hendaklah diajar dan dipelajari dengan kesungguhan yang seimbang.

Adalah satu kesilapan memikirkan bahawa bahasa Inggeris hanyalah satu-satunya bahasa pengantar dalam pengajaran Sains dan Matematik. Sudah dibuktikan secara empiris bahawa Sains boleh diajar dengan menggunakan bahasa Melayu. Bahkan mata pelajaran yang esoterik seperti Biokimia dan Teknologi Marin juga boleh diajar dalam bahasa Melayu. Tambahan pula, pengajaran dan pembelajaran Matematik banyak menggunakan bahasa perlambangan yang tidak bergantung pada ungkapan-ungkapan huraian.

Namun demikian, untuk memudahkan proses belajar dan mengingat, adalah lebih baik mempelajari sains dan teknologi dalam bahasa Inggeris supaya tidak diperlukan lagi kerja menduplikasikan ribuan istilah saintifik dan teknologi yang mesti diingat dalam kedua-dua bahasa.

Pemikiran saintifik adalah hal yang lain lagi, yang boleh diajar sama ada dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Rakyat Malaysia mungkin tidak terfikir tentang persamaan atau perbezaan asal usul bahasa Melayu atau bahasa Inggeris, begitu juga dengan sikap kebanyakan guru yang probahasa Inggeris dan berat sebelah dalam pendirian mereka.

Salasilah bahasa Melayu bermula sekurang-kurangnya 1000 tahun dahulu. Perkataan dalam bahasa Melayu terdapat dalam perbendaharaan kata bahasa-bahasa di seluruh Lautan Pasifik. Pada masa yang sama bahasa-bahasa Sanskrit, Arab dan Parsi telah memperkayakan perbendaharaan kata bahasa Melayu.

Mulai abad ke-14 hingga ke abad-abad seterusnya, bahasa Melayu digunakan dalam urusan niaga antara pedagang-pedagang dari Timur Jauh, Asia Tenggara, India, Parsi, Arab dan juga Eropah. Sejumlah ukiran dan tulisan di atas daun lontar serta juga manuskrip keagamaan merupakan bukti yang sahih bagi kewujudan awal bahasa Melayu dalam bentuk percakapan dan bertulis.

Peristiwa-peristiwa politik seperti serangan dan keganasan imperialisme Barat telah betul-betul mengurangkan keutamaan bahasa Melayu. Salasilah bahasa Inggeris, seperti yang diketahui oleh Chaucer bahkan juga Shakespeare, bermula lebih kemudian.

Tanpa menceburi teori-teori pedagogi, seharusnya diketahui bahawa pengetahuan sains dan budaya sama-sama memerlukan kefahaman yang mendalam melalui setiap satu dari dua bahasa yang berkenaan jika kita tidak mahu terjerumus ke dalam sikap bahasa megah-megahan.

Salasilah bahasa Melayu tidak perlu dipersoalkan lagi. Kefahaman kita akan hakikat ini diperluaskan

lagi dengan cadangan-cadangan berikut:

- Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris perlu diperlakukan sebagai dua bahasa yang berbeza dan dengan itu patut diajar secara berasingan. Nahu kedua-duanya berbeza seperti halnya nahu bahasa Jerman dan bahasa Arab. Oleh sebab itu masa yang secukupnya hendaklah diberi sama rata kepada kedua-dua bahasa berkenaan.
- Dicapadangkan agar sepanjang pertengahan pertama pendidikan sekolah rendah, tiga jangka masa (*period*) dalam satu minggu perlu diperuntukkan bagi mempelajari tiap-tiap bahasa berkenaan. Dalam pertengahan kedua, jangka masa ini boleh dikurangkan menjadi dua dalam seminggu. Matlamatnya adalah supaya semua pelajar dapat berkomunikasi antara satu dengan lain menggunakan asas nahu yang betul dan penyebutan yang baik. Untuk mencapai matlamat ini, perlu disediakan untuk setiap bahasa bahan bacaan yang mencukupi, serta ujian dan latihan.
- Seni menulis (tulisan tangan) yang seragam tidak pernah diberi perhatian dalam sistem pendidikan. Keadaan ini perlu diperbaiki supaya pelajar boleh menulis dalam seni tulisan yang seragam. Kita boleh belajar dari Amerika Syarikat dan Perancis bagaimana keseragaman ini boleh dilaksanakan.
- Setakat ini, kita mungkin sudah mula menyedari beberapa amalan ortodoks dalam sistem pendidikan kita yang tidak pernah dipersoalkan. Barangkali boleh juga dicadangkan kepada para


penentu dasar agar lebih baik jika keseluruhan sistem pendidikan ditukar daripada pendekatan induktif (seperti yang berlaku sekarang) kepada pendekatan deduktif. Peraturan nahu perlu dipelajari sebelum perbendaharaan kata dan frasa.

- Berbalik kepada ciri-ciri yang membezakan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris, tanpa terperangkap dalam perdebatan yang muluk-muluk tetapi remeh-temeh, kita sepatutnya sedar bahawa penambah atau imbuhan, yang terdiri daripada awalan dan akhiran, membawa kesan yang besar dalam penggunaan bahasa Melayu yang betul. Nahu Inggeris hanya boleh difahami dengan baik jika diberi perhatian kepada penggunaan sistem kala, preposisi dsb. yang betul.


Bagi kedua-dua bahasa Inggeris dan bahasa Melayu, semua pelajar hendaklah mempertingkatkan perbendaharaan kata, termasuk metafora, idiom, dan pepatah. Rakyat hendaklah digalakkan membaca sastera serius.

Hendaklah juga dimaklumkan secara am bahawa tidak ada rakyat Malaysia yang dipaksa belajar atau tidak belajar mana-mana bahasa selain dua bahasa berkenaan. Dua bahasa, iaitu bahasa Cina dan bahasa Tamil, sudah pun diberi perhatian khas.


Ruang tidak mengizinkan perbincangan mengenai tajuk-tajuk tertentu yang penuh kontroversi seperti POL (*Pupils' Own Language*) atau isu bahasa ibunda. Etimologi kata *Mandarin* yang berasal daripada bahasa Melayu boleh dibincangkan pada ketika yang lain.



PUSTAKA
PERDANA
LIBRARY



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz merupakan seorang tokoh akademik ternama yang banyak menyumbang kepada pembangunan negara. Buku *Riwayat Ungku Aziz* boleh dilihat sebagai tambahan kepada penulisan tentang tokoh tersebut dalam beberapa karya lain. Buku ini terdiri daripada lapan bab yang menerangkan tentang latar belakang Ungku Aziz, susur galur dan salasilah beliau, ketokohan, kepimpinan serta jasa beliau kepada pembangunan Malaysia.

Hubungan yang baik antara penulis dan Ungku Aziz merupakan kekuatan buku ini. Bahan yang menjadi kandungan buku ini sebahagiannya diambil daripada khazanah ingatan penulis sendiri dengan pengalaman bekerja di Universiti Malaya, dan khususnya di bawah pentadbiran Ungku Aziz sebagai Naib Canselor. Khazanah ingatan ini disokong oleh buku-buku catatan harian ketika penulis menjadi Pengarah Pusat Bahasa dan Timbalan Naib Canselor (Perjawatan), Universiti Malaya dan temu bual bersama Ungku Aziz sendiri.

Diharap buku ini dapat menjadi pelengkap kepada karya mengenai Ungku Aziz dan menjadi contoh ikutan masyarakat.

